



UM.TNC1/PA2/629/9

21 Jun 2017

Dekan/Pengarah Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Timbalan-Timbalan Dekan/Pengarah (Ijazah Pertama) Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Timbalan-Timbalan Dekan/Pengarah (Ijazah Tinggi) Akademi/Fakulti/Institut/Pusat
Ketua-Ketua Jabatan

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENAMBAHBAIKAN LAPORAN DAN GRAF KEPUTUSAN PENCAPAIAN PRESTASI
PELAJAR DALAM SISTEM PENGISIAN MARKAH ONLINE (PMO)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) bersama Dekan/Pengarah pada 21 Februari 2017 telah bersetuju dengan cadangan daripada Bahagian Akademik supaya cetakan laporan dan graf keputusan pencapaian prestasi pelajar disediakan dalam tiga (3) format berikut dalam Sistem Pengisian Markah Online (PMO):

- (i) Laporan dan graf untuk semua pelajar mendaftar (pelajar sepenuh masa dan pelajar pemerhati);
- (ii) Laporan dan graf untuk pelajar sepenuh masa sahaja;
- (iii) Laporan dan graf untuk pelajar pemerhati sahaja.


3. Cadangan ini bertujuan untuk menggambarkan prestasi sebenar pencapaian sesuatu kursus dan supaya pensyarah lebih terbuka untuk menerima pelajar pemerhati disamping meningkatkan aktiviti pengantarabangsaan.

4. Ketiga-tiga format cetakan laporan dan graf keputusan pencapaian pelajar ini boleh digunapakai oleh staf akademik mulai Semester II, Sesi 2016/2017 ini.

5. Untuk makluman, pilihan laporan dan graf tersebut boleh diakses dalam Sistem Pengisian Markah Online (PMO) melalui portal staf akademik masing-masing. Paparan skrin pilihan untuk laporan dan graf adalah seperti dalam Lampiran 1. Maklumat lengkap capaian boleh dirujuk dalam "user manual" yang didapati di muka hadapan Sistem Pengisian Markah Online (PMO).

Sekian.

Yang benar,


ZARINA ZAINOL ABIDIN
Timbalan Pendaftar (Bahagian Akademik)

s.k. Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Akademik/Fakulti/Institut/Pusat

☒ Untuk tindakan: **TDA / TDIT / KS**

☒ Edaran

☒ Fail

PROFESSOR DR. ABRIZAH ABDULLAH
DEKAN
FAKULTI SAINS KOMPUTER &
TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

LAMPIRAN 1

System	<table><tr><td>Semester</td><td>Term</td><td>External</td></tr></table>	Semester	Term	External	
Semester	Term	External			
Sesi-Semester	2016/2017-1 ▼				
Course Name	TBEH3141(SPANISH LANGUAGE DISCOURSE) ▼				
Group	1 ▼				
Programme	All Students ▼ <table><tr><td>--Select--</td></tr><tr><td>All Students</td></tr><tr><td>Full Time</td></tr><tr><td>Exchange</td></tr></table>	--Select--	All Students	Full Time	Exchange
--Select--					
All Students					
Full Time					
Exchange					